




# COVID-19: Peluang kes turun menjelang Mei tidak memberangsangkan



Suzalina Halid - April 12, 2021 @ 6:12pm
suzalina@bh.com.my

COVID-19: Peluang kes turun menjelang Mei tidak membera...

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan (KKM) mengakui peluang kes COVID-19 turun kepada 500 kes menjelang bulan hadapan berdasarkan unjuran sebelum ini, dilihat tidak memberangsangkan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata pihaknya melihat jumlah kes ketika ini adalah membimbangkan dengan nilai kebolehjangkitan (Rt) kini mencecah 1.06.

ADVERTISING

TERKINI PILIHAN PEMBACA

29m Johor bina balai cerap termoden di Asia Tenggara
45m Perintah berkurung di Minneapolis
49m TV3 bantu peniaga kecil jual produk
53m Bekas ahli Al-Maunah teruja sambut Ramadan
1h Seorang terbunuh insiden tembakan di sekolah AS
2h 22 maut bas terbalik di Peru
2h Keputusan Liga Perdana Inggeris
8h Bintai Kinden cadang ambil alih Johnson Medical

VAKSIN




NASIONAL Apr 12, 2021 @ 2:58pm
Hospital swasta sebagai PPV program

"Ia kerana pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) yang dilihat merosot di mana ia perlu diberi penekanan serta kerjasama untuk memastikan orang awam patuh semula prosedur ditetapkan.

"KKM akan melakukan langkah pencegahan dan kawalan dibuat khususnya dengan memberi keutamaan kepada negeri yang merekodkan kenaikan kes seperti Selangor, Sarawak, Pulau Pinang dan Johor," katanya pada sidang media bersama Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, di sini, hari ini.


## DISYORKAN UNTUK ANDA

- Suntikan vaksin COVID-19 di klinik swasta percuma
- Kaji punca rakyat kurang daftar suntikan vaksin COVID-19
- Hospital Bintulu lokasi kedua ujian penghantaran vaksin
- KKM jalin kerjasama pelbagai pihak bantu penduduk luar bandar daftar program imunisasi


Sebelum ini, kes harian COVID-19 di negara ini diunjurkan boleh menurun kepada 500 pada Mei dengan Rt kurang daripada 1.0.

Pada masa sama, Dr Adham berkata, pihaknya juga menyaksikan peningkatan membimbangkan terhadap kes COVID-19 di Sarawak yang kini merekodkan Rt, 1.08.

Beliau berkata, pihaknya akan membincangkan mengenai langkah segera yang perlu diambil termasuk keperluan sumber bagi mengekang penularan COVID-19.

"Ia termasuk melihat keperluan sumber seperti peralatan perubatan, alat perlindungan peribadi (PPE), logistik dan keperluan ujian makmal," katanya.

Dr Adham berkata, kes peningkatan COVID-19 di Sarawak bermula sejak 9 Januari lepas dengan sebanyak 39 kluster COVID-19 dikesan membabitkan komuniti berkaitan perhimpunan, aktiviti sosial dan juga rentas daerah.

Sementara itu, Dr Adham berkata, hospital swasta akan turut serta dalam program vaksinasi fasa dua dan tiga sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

Beliau berkata, kerajaan akan memberikan vaksin secara percuma kepada hospital swasta bagi memaksimumkan akses pengagihan vaksin dengan lebih meluas kepada rakyat.



imunisasi COVID-19


NASIONAL Apr 12, 2021 @ 2:36pm
Malaysia kecam negara maju bolot vaksin


NASIONAL Apr 12, 2021 @ 2:02pm
Pendaftaran program imunisasi COVID-19 masih rendah


NASIONAL Apr 12, 2021 @ 11:58am
395,891 individu lengkap 2 dos vaksin COVID-19

KOMENTAR Apr 11, 2021 @ 1:15pm

Penjawat awam ejen terbaik sampai keperluan vaksinasi


NASIONAL Apr 11, 2021 @ 12:08pm
385,251 individu lengkap dua dos suntikan vaksin COVID-19

## TRENDING


BOLA Apr 12, 2021 @ 7:24pm
Kelantan boleh jadi JDT


SELEBRITI Apr 12, 2021 @ 6:50pm
Saya sedia bertanggungjawab - suami Serina Redzuawan


ASIA Apr 12, 2021 @ 6:08pm
Korea Utara bersedia lancar kapal selam peluru berpandu balistik


BOLA Apr 12, 2021 @ 5:12pm
Feichtenbeiner terkejut lihat senarai pemain JDT II


NASIONAL Apr 12, 2021 @ 5:10pm
'Tak kisah kerja apa pun, walau dulu pensyarah'

## MYRESIPI


INFOMASI Apr 9, 2021 @ 6:32pm
Unik & Menyelerakan, Ini Resepi Umai Ikan


INFOMASI Apr 9, 2021 @ 6:29pm
Menu Original Ala Thailand, Ini Resepi Sup Ikan Merah Masam Pedas ‘Tom Som Pla’


INFOMASI Apr 8, 2021 @ 3:30pm
Menu Inspirasi Dari Bandung, Ini

"Pembabitan hospital swasta ini adalah mengambil kira cadangan yang dikemukakan pihak hospital swasta yang tidak mahu terkecuali dalam menggembleng tenaga bagi memastikan sasaran sekurang-kurangnya 80 peratus penduduk Malaysia diberikan imunisasi COVID-19 dicapai segera.

"Hospital swasta yang ingin mengambil bahagian boleh berdaftar melalui ProtectHealth Corporation Sdn Bhd (ProtectHealth) di laman web www.protecthealth.com.my bermula hari ini.

"Melalui laman web itu juga, hospital swasta boleh mendapatkan maklumat berkaitan kaedah vaksinasi, skop tugas, keperluan, kadar bayaran dan kaedah pembayaran," katanya.

Pada masa sama, Dr Adham berkata, terdapat 203 hospital swasta di Malaysia dan KKM amat mengalu-alukan semua hospital swasta ini untuk tampil menyumbangkan sumber demi kebajikan rakyat dan negara.




Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba (kiri) bersama Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin pada sidang media perkembangan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan hari ini. - Foto BERNAMA

## BERITA BERKAITAN




NASIONAL Apr 12, 2021 @ 2:58pm

**Hospital swasta sebagai PPV program imunisasi COVID-19**




NASIONAL Mac 29, 2021 @ 5:59pm

**1,911 pengamal perubatan am swasta berdaftar program imunisasi**








**Resepi Nasi Daun Limau Yang Korang Kena Cuba**



INFOMASI Apr 8, 2021 @ 2:30pm

**Resepi Warisan Telur Pindang Marble, Orang Johor Mesti Suka!**



INFOMASI Apr 7, 2021 @ 5:02pm

**Jom Cuba Buat Wool Roll Bread, Resepi Roti Viral Yang Lembut & Gebu**



NASIONAL Mac 15, 2021 @ 3:15pm

**Penerima vaksin di fasiliti swasta tidak dikenakan caj**



NASIONAL Mac 8, 2021 @ 3:05pm

**Vaksinisasi oleh swasta pada fasa 2, 3**


**Disyorkan untuk anda** Recommended by




**Motion For Life**
Michelin Malaysia



**Trevor Noah Picks up $27.5 Million Bel Air...**
Mansion Global



**Putrajaya: Why Are People Snapping Up Thi...**
Blu Watch



**Billionaire's Eco-Friendly Malibu Home Hits the...**
Mansion Global



**Malaysia: Work-from-home jobs in the US may p...**
Working From Home | ...



**All-New £19.99 Will Writing Service For...**
Legacy Wills



**'Iron Man'-Inspired 'Razor House' Sells for...**
Mansion Global




**The Ultimate Guide to Starting a Digital...**
Chatfuel
Learn More


IKUTI KAMI DI:

**BERITA**
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

**SUKAN**
**DUNIA**
**HIBURAN**
**BISNES**
**RENCANA**
**WANITA**
**HUJUNG MINGGU**

**MULTIMEDIA**
Foto
BHTV
Infografik

**LANGGAN**
Akhbar Digital
Akhbar BH

**PERKHIDMATAN**
Iklan Web
1Klassifieds
NSTP KLiK

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi